

Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul
GURINDAM DUA BELAS (Fasal yang Ketiga)

AKTIVITI 1 : MAKSUD BAGI SETIAP RANGKAP

Padankan maksud yang sesuai bagi setiap rangkap gurindam.

RANGKAP		MAKSUD
1	Apabila terpelihara mata, Sedikitlah cita-cita.	Sekiranya seseorang gagal mengawal nafsu makannya, maka banyak perkara mudarat yang akan terjadi.
2	Apabila terpelihara kuping, Khabar yang jahat tiadalah damping.	Apabila seseorang berjaya mengawal pertuturannya, banyak kebaikan akan diperolehnya.
3	Apabila terpelihara lidah, Nescaya dapat daripadanya faedah.	Perlunya mengawal pergerakan kaki agar tidak pergi ke tempattempat yang akan membawa kepada kerosakan.
4	Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan, Daripada segala berat dan ringan.	Apabila seseorang itu berjaya menjaga penglihatannya dengan baik, maka tidak akan timbul pelbagai keinginan yang dapat merosakkannya.
5	Apabila perut terlalu penuh, Keluarlah fiii yang tiada senonoh.	Perlunya kebijaksanaan mengawal nafsu syahwatnya supaya semangat mereka tidak mudah luntur.
6	Anggota tengah hendaklah diingat, Di situlah banyak orang yang hilang semangat.	Apabila seseorang berjaya mengawal anggota tangannya, perkara yang berat dan ringan akan dapat diselesaikannya.
7	Hendaklah peliharakan kaki, Daripada berjalan yang membawa rugi.	Apabila seseorang berjaya menjaga pendengarannya dengan baik, berita-berita yang tidak elok dapat dihindarnya.

